



MANUAL PENGURUSAN *Harta Syubhah*

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI



MANUAL PENGURUSAN HARTA SYUBHAH

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri
www.jawhar.gov.my

Cetakan Pertama ... 2009
© Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
Tel: 603-8883 7400 Faks: 603-8883 7406

Dicetak oleh:
Perbadanan Nasional Malaysia Berhad
Jalan Chan Sow Lin
50554 KUALA LUMPUR
Tel: 603-9236 6909/10 Faks: 603-9223 0397



PERUTUSAN

Y.B. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan inayah dan keizinan-Nya, maka Manual Pengurusan Harta Syubhah (MPHS) ini dapat diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Sesungguhnya penerbitan MPHS ini membantu para pegawai Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam memperkasa prosedur penyaluran hasil tidak patuh syariah yang diperolehi di samping membantu masyarakat agar lebih prihatin dengan sumber kewangan yang dimiliki.

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada JAWHAR dengan kerjasama beberapa ahli akademik daripada institusi pengajian tinggi, wakil agensi pembuat dasar seperti Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti, wakil agensi penasihat kewangan iaitu Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn. Bhd., wakil Jabatan Peguam Negara dan pegawai Baitulmal daripada MAIN seluruh negara dalam memastikan penerbitan MPHS ini berjaya.

Justeru, saya berharap agar MPHS ini dapat diguna pakai dalam usaha memantapkan tadbir urus institusi mal dan meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi ummah dalam memacu keterbilangan dan kegemilangan seperti tamadun Islam silam.

Sekian, terima kasih.

والسلام

Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL (B) DATO' JAMIL KHIR HJ. BAHAROM

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinan-Nya, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah berjaya menerbitkan "Manual Pengurusan Harta Syubhah (MPHS)". Ia merupakan satu usaha proaktif JAWHAR dalam membantu memperkasakan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) menerusi penerbitan siri tadbir urus terbaik mengenai hal-ehwal agama Islam demi kesejahteraan umat Islam di Malaysia.

Sistem perkhidmatan awam di Malaysia kini telah melangkah maju dengan adanya usaha bagi memberi nilai tambah kepada para penjawat awam. Penerbitan manual ini merupakan salah satu bukti betapa Kerajaan bersungguh-sungguh untuk membantu menaik taraf sistem tersebut.

Sesungguhnya, saya berharap agar dengan adanya MPHS ini akan membantu para pegawai MAIN dalam memberikan perkhidmatan yang telus dan berkualiti kepada rakyat. Ingatlah bahawa dengan adanya panduan dan prosedur yang sistematik akan memandu ke arah penambahbaikan mutu serta hasil kerja yang lebih berkualiti.

Sekian, terima kasih.

والسلام

TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HASSAN
Ketua Setiausaha Negara



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dengan nama Allah S.W.T. yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah S.W.T. Tuhan semesta alam, tempat kami memohon petunjuk, pertolongan dan keampunan. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W., juga ke atas ahli keluarga dan para sahabat.

Terlebih dahulu saya mengucapkan sekalung tahniah dan jutaan terima kasih kepada para ahli akademik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Malaya, wakil agensi pembuat dasar seperti Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti, wakil agensi penasihat kewangan iaitu Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn. Bhd., wakil Jabatan Peguam Negara, pegawai Baitulmal daripada MAIN seluruh negara serta pegawai-pegawai dan urus setia dari JAWHAR yang telah menyumbangkan kepakaran, idea, tenaga dan pengalaman sepanjang tempoh manual ini dihasilkan. Sesungguhnya usaha murni tersebut telah membantu JAWHAR merealisasikan Teras Strategik 1, Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) iaitu Pengukuhan Institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji selaras dengan syariah demi peningkatan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi penerbitan siri manual tadbir urus terbaik pada setiap tahun.

Usaha penerbitan manual ini dijalankan bagi menyelesaikan beberapa perkara berbangkit seperti kesukaran mendapatkan maklumat tepat untuk tujuan penyaluran wang syubhah ke baitulmal serta perbezaan dari segi prosedur kutipan dan penyaluran

di negeri-negeri. Justeru, menerusi manual ini, MAIN serta masyarakat di seluruh Malaysia akan mempunyai satu rujukan yang akan membantu mereka menghadapi masalah berkaitan harta syubhah.


Sekian, terima kasih.

وَالسَّلَامُ

DATO' DR. HJ. SOHAIMI HJ. MOHD SALLEH

Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

PENGHARGAAN



Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam menyiapkan “Manual Pengurusan Harta Syubhah” (MPHS) ini. Khususnya, sekalung penghargaan diucapkan kepada penama-penama berikut:

1. Prof. Madya Dr. Amir Husin b. Mohd Nor dari Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
2. Dr. Mohd Afandi b. Mat Rani dari *Centre for Islamic Thought and Understanding* (CITU), Universiti Teknologi MARA (UiTM);
3. En. Azizi b. Che Seman dari Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya (UM);
4. Dr. Md. Nurdin b. Ngadimon dari Jabatan Pasaran Modal Islam, Suruhanjaya Sekuriti (SC);
5. Us. Suhami b. Mohd Yusof dari Bahagian Perbankan Islam dan Takaful, Bank Negara Malaysia (BNM);
6. En. Roslan b. Abdul Razak dari *Shariah Business Advisory Department*, Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn. Bhd. (IBFIM);
7. En. Razli b. Ramli dari *Shariah Business Advisory Department*, Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn. Bhd. (IBFIM);
8. Us. Abdullah Hanif b. Hassan dari *Shariah Business Advisory Department*, Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn. Bhd. (IBFIM);
9. En. Abas b. Nordin dari Seksyen Syariah, Jabatan Peguam Negara (JPN);
10. En. Wan Zainul Azamin b. Khamid @ Majid dari Seksyen Syariah, Jabatan Peguam Negara (JPN);
11. Dr. Muhammad Yamin b. Ismail dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP);
12. Pn. Norzaihan bt. Mohd. Zain dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS);
13. En. Mohd Fawzi b. Abd. Kadir dari Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS);
14. En. Azzerol Effendi b. Abdul Kadir dari Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS);

15. Us. Hamidon b. Mohamed Yussop dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS);
16. Us. Mohd Hairulamin b. Mohd Sis dari Majlis Agama Islam Melaka (MAIM);
17. Us. Ahmad Rosidi b. Mohamad dari Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM);
18. Us. Abdul Rahman b. Talib dari Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MAIP); dan
19. En. Rosli b. Mat dari Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Semoga kesudian tuan/ puan berkongsi ilmu, kepakaran dan pengalaman dalam merealisasikan penerbitan MPHS ini dihitung sebagai amal jariah di sisi Allah S.W.T. dan mendapat balasan pahala yang berlipat ganda, Insya-Allah. *Jazakumullahu khairan kathira.*

ABSTRAK




Manual Pengurusan Harta Syubhah (MPHS) merupakan salah sebuah terbitan siri Manual Pengurusan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) yang menyediakan panduan serta tadbir urus terbaik kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan masyarakat berkaitan pentadbiran harta hasil aktiviti tidak patuh syariah. Oleh kerana pengurusan harta hasil aktiviti tidak patuh syariah di negeri-negeri adalah tidak seragam serta berbeza antara satu sama lain, maka penerbitan Manual ini adalah relevan untuk memberi panduan dan tadbir urus terbaik harta hasil aktiviti tidak patuh syariah secara komprehensif. MPHS ini terhasil dengan komitmen padu daripada pegawai-pegawai MAIN di seluruh negara serta wakil-wakil agensi yang berkaitan iaitu Jabatan Peguam Negara (JPN), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn. Bhd. (IBFIM) bagi menghasilkan satu manual yang seragam dan terbaik untuk diguna pakai.

Justeru, setiap bab dalam MPHS ini diperkemas dengan pengagihan tajuk dan skop yang bersesuaian. Bab Pertama mengandungi objektif, skop dan kaedah penyediaan manual. Bab Kedua pula menyentuh mengenai mengenai konsep dan hukum harta hasil aktiviti tidak patuh syariah yang meliputi definisi harta hasil aktiviti tidak patuh syariah, dalil-dalil dari Al-Quran dan Hadis seterusnya ciri-ciri, jenis-jenis, status/ hukum dan sumber-sumber harta hasil aktiviti tidak patuh syariah. Bab Ketiga pula menghuraikan secara terperinci prosedur penyaluran dan pengurusan harta hasil aktiviti tidak patuh syariah oleh MAIN merangkumi peruntukan perundangan, pentadbiran dan pengurusan, carta aliran prosedur penyerahan dan penyaluran harta hasil aktiviti tidak patuh syariah, kaedah perakaunan untuk penyerahan dan penyaluran harta hasil aktiviti tidak patuh syariah serta agihan harta hasil aktiviti tidak patuh syariah.

Akhir sekali, sebagai lampiran dikepaskan alamat MAIN, contoh borang penyerahan wang tidak patuh syariah dan senarai rujukan-rujukan utama yang digunakan dalam penyediaan MPHS ini untuk menjadi panduan para pegawai MAIN, agensi-agensi yang berkaitan serta masyarakat.

Penerbitan MPHS ini diharap dapat memberikan kefahaman dan kesedaran kepada umat Islam tentang kaedah penyaluran dan pengurusan harta hasil aktiviti tidak patuh syariah secara praktikal yang berpotensi untuk memperkasakan sosio-ekonomi ummah. MPHS ini juga memupuk satu perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan (*stakeholders*) seperti MAIN dan masyarakat serta agensi-agensi yang berkaitan iaitu JPN, BNM, SC dan IBFIM sejajar dengan fungsi JAWHAR selaku agensi Kerajaan yang bertanggungjawab memperkasakan institusi wakaf, zakat, mal dan haji di Malaysia.

GLOSARI



1. **Broker Prima:** broker yang bertindak sebagai agen penyelesai, menyediakan penjagaan aset, menyediakan kewangan bagi leveraj serta menyiapkan penyata akaun harian untuk para pelanggan yang terdiri daripada pengurus wang, pakar dan lain-lain pelabur profesional.
2. **Dana Amanah Pelaburan Hartanah [Real Estate Investment Trust (REIT)]:** REIT merupakan dana amanah yang diuruskan oleh syarikat yang memiliki dan menguruskan sebilangan portfolio harta tanah. Sebagai balasan untuk modal pelabur, syarikat memberikan pulangan yang mana biasanya adalah daripada hasil penyewaan ke atas harta tanah-harta tanah tersebut.
3. **Derivatif:** derivatif adalah instrumen kewangan yang digunakan untuk menyelesaikan risiko berkaitan kerugian dari sudut ekonomi hasil daripada pertukaran nilai bagi sesuatu aset.
4. **Ekuiti:** ekuiti bermaksud pelaburan dalam saham.
5. **Ghalabah Zhan:** sangkaan yang kuat.
6. **Gharamah:** penalti.
7. **Haram Bi-Sababi Turuqi Kasbih:** haram kerana kaedah perolehan melalui cara yang ditegah oleh syarak.
8. **Haram Li-Zatih:** haram pada zat atau ainya sendiri.
9. **Idha`Ah Al-Mal:** membina-sakan/mensia-sikan harta.
10. **Khairat:** kebaikan.
11. **Mal:** harta.

12. **Maslahah `Ammah**: kepentingan umum.
13. **Modal Teroka (Venture Capital)**: jenis modal ekuiti persendirian yang disediakan untuk syarikat yang belum matang tetapi mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dengan tujuan untuk mendapat keuntungan melalui tawaran awam awal (IPO) atau penjualan syarikat.
14. **Pembrokeran Saham (Stockbroking)**: urus niaga atau pertukaran saham syarikat-syarikat dalam dan luar negara yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia.
15. **Saddul-Zara'i**: menutup jalan-jalan (yang membawa kerosakan).
16. **Sukuk**: kata nama dalam bahasa Arab untuk sijil kewangan (*financial certificate*). Ia merujuk kepada sijil bertulis yang menunjukkan pemilikan hak ke atas sesuatu projek atau pelaburan. Pada umumnya, *sukuk* adalah nota komersial yang membuktikan hak milik pelabur ke atas aset pendasar atau penerbit *sukuk* tersebut.
17. **Syubhah**: kesamaran.
18. **Takaful**: merupakan satu bentuk insuran Islam yang berdasarkan prinsip *ta'awun* atau bantuan bersama.
19. **Tashabuh**: menyerupai sehingga sukar dibezakan.
20. **Tatawwu**: amalan sunat.
21. **Ta`awun**: tolong-menolong.
22. **Ta`widh**: penalti yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkontrak sebagai ganti rugi yang berhak dituntut oleh pembiutang apabila penghutang gagal atau lambat melaksanakan tanggungjawabnya membayar hutang.
23. **Tashbih**: menjadi samar dan tidak jelas.

24. **Unit Amanah:** bentuk pelaburan kolektif yang membolehkan pelabur-pelabur yang mempunyai objektif pelaburan yang sama mengumpulkan wang mereka, dan kemudian dilaburkan ke dalam portfolio sekuriti atau aset lain yang diuruskan oleh profesional pelaburan.

KANDUNGAN



PERUTUSAN KHAS Y.B. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

SEKAPUR SIRIH KETUA SETIAUSAHA NEGARA

SEULAS PINANG KETUA PENGARAH JAWHAR

PENGHARGAAN

ABSTRAK

GLOSARI

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif	1
1.3 Skop	2
1.4 Kaedah	3
1.5 Kesimpulan	3

BAB 2: HARTA HASIL AKTIVITI TIDAK PATUH SYARIAH

2.1 Pengenalan	4
2.2 Definisi Harta Hasil Aktiviti Tidak Patuh Syariah	4
2.2.1 Harta Haram	5
2.2.2 Harta Syubhah	5
2.3 Dalil-dalil Dari Al-Quran Dan Hadis	6
2.4 Ciri-Ciri Harta Hasil Aktiviti Tidak Patuh Syariah	8
2.5 Jenis-Jenis Harta Hasil Aktiviti Tidak Patuh Syariah	8
2.5.1 Jenis-Jenis Haram	8
2.5.2 Jenis-Jenis Syubhah	9

2.6 Status/ Hukum Harta Hasil Aktiviti Tidak Patuh Syariah	10
2.7 Sumber-Sumber Harta Hasil Aktiviti Tidak Patuh Syariah	11
2.7.1 Perbankan Dan Kewangan	11
(i) Pasaran Modal	12
(ii) Perbankan	17
(iii) Insurans Dan Takaful	18
(iv) Pasaran Wang	19
(v) Aktiviti Kewangan Bawah Seliaan Selain Daripada Bank Negara Dan Suruhanjaya Sekuriti	19
2.7.2 Lain-Lain	20
(i) Wang Faedah (Riba)	20
(ii) Wang Rasuah, Judi, Hasil Perniagaan Haram Dan Sebagainya	20
2.7.3 Kesimpulan	20

**BAB 3: PROSEDUR PENYALURAN DAN PENGURUSAN HARTA HASIL
AKTIVITI TIDAK PATUH SYARIAH BAITULMAL**

3.1 Pengenalan	21
3.2 Peruntukan Perundangan	21
3.3 Pentadbiran Dan Pengurusan	26
3.4 Carta Aliran Prosedur Penyerahan Dan Penyaluran Harta Hasil Aktiviti Tidak Patuh Syariah	27
3.5 Kaedah Perakaunan Untuk Penyerahan Dan Penyaluran Harta Hasil Aktiviti Tidak Patuh Syariah	28
3.6 Agihan Harta Hasil Aktiviti Tidak Patuh Syariah	29
3.7 Kesimpulan	31

BAB 4: PENUTUP

4.1 Pengenalan	32
4.2 Impak	33
4.3 Kesimpulan	34

LAMPIRAN

Lampiran 1 - Alamat Baitulmal, MAIN Yang Boleh Dihubungi

Lampiran 2 - Borang Penyerahan Wang Tidak Patuh Syariah

RUJUKAN

BAB 1



PENDAHULUAN

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu makan harta-harta sesama kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim-hakim dengan tujuan supaya kamu dapat memakan sebahagian dari harta orang lain dengan cara yang berdosa, sedangkan kamu mengetahui.”

(Surah Al-Baqarah: Ayat 188)

1.1 PENGENALAN

MPHS ini merupakan manifestasi daripada salah satu peranan JAWHAR sebagai agensi Persekutuan dalam menerbitkan siri Manual Pengurusan JAWHAR yang bertujuan meningkatkan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji di Malaysia. Justeru, bab pertama ini menjelaskan objektif penyediaan MPHS, skop dan kaedah penyediaan manual dalam usaha penambahbaikan tadbir urus mal di Malaysia.

1.2 OBJEKTIF


MPHS ini bertujuan untuk:

- a. Memberikan penjelasan mengenai harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah dari perspektif syarak;
- b. Menyebarluaskan ilmu pengetahuan berkaitan harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah kepada masyarakat umum;

- c. Menyediakan garis panduan serta prosedur yang jelas dan menyeragamkan bentuk pengurusan bagi melupuskan harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah bagi semua MAIN; dan
- d. Menambah baik dan meningkatkan tahap kecekapan pengurusan bagi melupuskan harta syubhah dan hasil aktiviti tidak patuh syariah di MAIN.

1.3 SKOP

MPHS ini memberi tumpuan kepada harta di bawah skop wang hasil tidak patuh syariah menurut hukum syarak dengan memfokuskan kepada punca-punca wang tidak patuh syariah yang mungkin terhasil daripada aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kewangan dan perbankan. Oleh kerana isu dan senario di Malaysia lebih banyak berkaitan industri kewangan dan perbankan, maka adalah lebih sesuai bidang tersebut diperjelas dan dijadikan contoh dalam manual ini. Sasaran utama pengaplikasian MPHS ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan kepada Baitulmal MAIN di seluruh Malaysia. Bagaimanapun, ia juga terbuka untuk bacaan dan rujukan masyarakat umum agar lebih peka dengan penyaluran wang hasil daripada aktiviti tidak patuh syariah kepada baitulmal. Secara keseluruhannya, skop perbincangan MPHS ini adalah merangkumi sumber-sumber yang memungkinkan penghasilan wang hasil daripada aktiviti tidak patuh syariah, proses penerimaan serta pengagihan (tadbir urus) wang hasil daripada aktiviti tidak patuh syariah di baitulmal seperti dalam **Rajah 1** berikut:



Rajah 1: Skop MPHS

1.4 KAEADAH

MPHS ini disediakan melalui kaedah perbincangan secara langsung, sumbang-saran (*brainstorming*) idea serta pengalaman para pegawai yang terlibat dalam pengurusan hal-ehwal wang hasil aktiviti tidak patuh syariah. Perbincangan melibatkan beberapa orang ahli akademik daripada institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), wakil agensi kawal selia kewangan Malaysia seperti BNM dan SC, wakil agensi penasihat kewangan iaitu IBFIM, wakil JPN serta pegawai baitulmal daripada MAIN di seluruh negara. Kepakaran dan pengalaman kesemua mereka yang terlibat dikumpulkan dalam beberapa siri mesyuarat sehingga MPHS ini berjaya diterbitkan.

1.5 KESIMPULAN

Justeru, adalah diharapkan agar penerbitan MPHS ini dapat memberikan satu impak yang positif kepada MAIN khasnya dan umat Islam amnya dalam pelaksanaan tadbir urus harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah dalam menjamin keberkatan hidup di dunia dan akhirat. Secara tidak langsung manual ini akan mampu membuka minda orang ramai dalam melihat kewujudan signifikan institusi baitulmal serta peranannya sebagai pemegang amanah harta umat Islam sebagaimana zaman kegemilangan tamadun Islam suatu ketika dahulu.

BAB 2



HARTA SYUBHAH ATAU HASIL AKTIVITI TIDAK PATUH SYARIAH

Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Yang halal itu sudah jelas, dan yang haram pun sudah jelas. Dan antara kedua-duanya itu ada beberapa perkara yang masih samar-samar (syubhah).”

(Riwayat Imam Bukhari, Muslim dan Tirmizi)

2.1 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan mengenai definisi harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah, dalil Al-Quran dan hadis yang berkaitan, ciri-ciri harta hasil aktiviti tidak patuh syariah, jenis-jenis harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah, status/ hukum harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah. Di samping itu, bab ini juga menerangkan sumber-sumber harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah yang diambil dari dunia kontemporari bidang perbankan dan kewangan.

2.2 DEFINISI HARTA SYUBHAH ATAU HASIL AKTIVITI TIDAK PATUH SYARIAH

Dari segi bahasa, harta atau *mal* dalam bahasa Arab bermaksud apa yang dimiliki dari setiap perkara seperti barang-barang, rumah, tanah, wang, haiwan ternakan dan sebagainya. Dari segi syarak pula, para *fujahah* mendefinisikan harta sebagai apa yang boleh dijadikan hak milik secara pasti, boleh dikeluarkan ketika perlu dan setiap apa yang boleh dimiliki oleh manusia serta boleh dimanfaatkan.

Harta tidak patuh syariah pula bermaksud sebarang bentuk pendapatan atau perolehan hasil daripada perbuatan atau transaksi yang bertentangan dengan syariat Islam. Perkara ini boleh berlaku sama ada hasil daripada aktiviti yang bertentangan dengan

syarak itu sendiri seperti riba dan judi atau kerana bercampur aduk antara aktiviti yang dibenarkan oleh syarak dengan yang tidak dibenarkan. Dalam konteks ini, harta itu sendiri pada asalnya adalah halal tetapi hukumnya berubah kepada tidak patuh syariah kerana cara perolehannya adalah bertentangan dengan syarak.

Konsep harta yang disentuh dalam MPHS ini lebih menjurus kepada wang kerana kebanyakan harta tidak patuh syariah pada masa kini berlaku dalam bentuk mata wang. Status perolehan berbentuk wang yang tidak patuh syariah tersebut pula boleh sama ada menjadi haram ataupun syubhah (samar-samar).

2.2.1 Harta Haram

Dari segi bahasa, haram berasal dari perkataan Arab yang juga bermaksud tidak harus atau tidak halal. Dr. Yusuf Al-Qaradhwai dalam bukunya “Halal dan Haram dalam Islam” mendefinisikan haram itu sebagai suatu perkara yang dilarang oleh syariat dari melakukannya dengan pasti yakni tidak boleh berubah. Sesiapa yang melanggar larangan itu akan mendapat seksaan Allah S.W.T. di hari akhirat dan ada kalanya seksaan itu telah pun diterima di dunia lagi.

Kesimpulannya, harta haram itu bermaksud harta yang zatnya sudah jelas dan tidak diragukan lagi hukumnya haram seperti arak, babi dan seumpamanya dan harta yang zatnya halal tetapi diperoleh dengan cara yang ditegah oleh syarak seperti hasil riba, rampasan, curian, rasuah, penipuan dan sebagainya.

2.2.2 Harta Syubhah

Dari segi bahasa, syubhah berasal dari perkataan Arab yang bermaksud kesamaran dan yang diragui hukumnya sama ada halal atau haram, hak atau batil. *Tashabuh* pula bererti menyerupai sehingga sukar dibezakan, manakala *tashbih* pula bermaksud menjadi samar dan tidak jelas.

Menurut Dr. Yusuf Al-Qaradhawi dalam bukunya *Fiqh Al-Awlawiyat*, syubhah dari segi Syarak ialah perkara yang tidak diketahui hukumnya oleh kebanyakan orang dan masih samar-samar, itu sama ada halal atau haram. Manakala Imam Ahmad bin Hanbal mentakrifkan syubhah sebagai perkara yang berada antara halal dengan haram.

Dr. Yusuf Al-Qaradhawi juga menjelaskan bahawa agama Islam telah membuat ketetapan bahawa umat Islam hendaklah meninggalkan perkara-perkara yang syubhah bagi mengelakkan diri daripada terjerumus kepada perkara-perkara yang memang nyata haramnya. Ini termasuk dalam kaedah *saddul-zara'i* iaitu menutup jalan-jalan (yang membawa kerosakan).

Kesimpulannya, syubhah ialah sesuatu perkara yang tidak diketahui hukumnya sama ada halal atau haram kerana berlakunya percampuran antara yang halal dengan yang haram.

2.3 DALIL-DALIL DARI AL-QURAN DAN HADIS

Firman Allah S.W.T.:

يَتَأْمِنُهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ
تَكُونَ تِجْرِيَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu.”

(Surah An-Nisa': Ayat 29)

Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Sesungguhnya yang halal itu nyata dan yang haram itu nyata dan antara kedua-duanya perkara-perkara yang kesamaran, yang tidak diketahuinya oleh kebanyakan manusia. Maka barang siapa memelihara (dirinya dari) segala yang kesamaran, sesungguhnya ia memelihara bagi agamanya dan kehormatannya. Dan barang siapa jatuh ke dalam perkara kesamaran, jatuhlah ia ke dalam yang haram seperti seorang penggembala yang menggembala di sekeliling kawasan larangan, hampir sangat (ternaknya) makan di dalamnya. Ketahuilah! Bahawa di dalam badan ada seketul daging, apabila ia baik, baiklah badan seluruhnya dan apabila ia rosak, rosaklah sekaliannya. Ketahuilah! Itulah yang dikatakan hati.”

(Riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

Kepentingan memastikan kehalalan pendapatan telah diterangkan dalam **sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:**

“Tidak berganjak kedua kaki seseorang dari tempat berdirinya di mahkamah Tuhan pada hari kiamat sehingga ia disoal tentang umurnya pada perkara apakah ia dihabiskan dan tentang ilmunya untuk apakah ia gunakan dan tentang harta bendanya dari manakah ia dapat dan pada perkara apakah ia belanjakan dan juga tentang tubuh badannya pada perkara apakah ia susutkan kemudian kecergasannya?”

(Riwayat Imam Tirmizi)

2.4 CIRI-CIRI HARTA SYUBHAH ATAU HASIL AKTIVITI TIDAK PATUH SYARIAH

Ciri-ciri utama harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah adalah seperti berikut:

- i. Harta yang dihasilkan daripada aktiviti yang jelas bertentangan dengan syarak;
- ii. Harta yang diperselisihan hukumnya antara halal dengan haram; dan
- iii. Harta yang berlaku percampuran antara yang halal dengan haram dari sudut ‘ain (benda) ataupun perbuatan.

Contohnya ialah hasil yang diperoleh daripada aktiviti yang diharamkan seperti hasil jualan anggur kepada pembuat arak, hasil upah/ sewa kenderaan untuk membawa arak daripada kilang ke pusat-pusat hiburan, hasil jualan senjata kepada musuh Islam serta hasil jual beli ke atas barang yang sudah dibeli atau dijual kepada orang lain.

Dalam bidang kewangan, contoh yang jelas yang dapat diberikan ialah hasil keuntungan daripada pembiayaan kepada syarikat pembuat botol minuman di mana pihak institusi kewangan telah terlebih dahulu mengetahui bahawa enam puluh peratus daripada pengeluaran syarikat berkenaan adalah untuk menampung permintaan dari sebuah syarikat pengilangan arak.

2.5 JENIS-JENIS HARTA SYUBHAH ATAU HASIL AKTIVITI TIDAK PATUH SYARIAH

2.5.1 Jenis-Jenis Harta Haram

Harta haram boleh dibahagikan kepada dua kategori seperti berikut:

- i. Haram kerana zatnya (*haram li-zatih*) iaitu yang sudah jelas dan tidak diragukan lagi hukumnya adalah haram pada zat atau ainnya sendiri seperti arak, babi, dadah dan seumpamanya; dan

- ii. Haram kerana kaedah perolehan (*haram bi-sababi turuqi kasbih*) iaitu pada asalnya halal tetapi menjadi haram kerana kaedah perolehannya melalui cara yang ditegah oleh syarak seperti hasil riba, rampasan, curian, rasuah, penipuan dan sebagainya.

2.5.2 Jenis-Jenis Syubhah

Syubhah menurut Imam Al-Ghazali boleh dibahagikan kepada tiga bahagian:

- i. Syubhah kerana berlaku percampuran antara yang halal dengan yang haram sehingga tidak dapat dibezakan atau dipisahkan antara kedua-duanya. Contohnya adalah wang simpanan dalam bank yang bercampur dengan faedah (riba) dan tidak dapat diketahui kadar yang haram dan yang halal;
- ii. Syubhah yang disebabkan aktiviti yang halal bercampur dengan tujuan yang bertentangan dengan syarak seperti menjual anggur kepada kilang membuat arak dan bahan kimia kepada pil ekstasi dan sebagainya; dan
- iii. Adanya keraguan pada sebab-sebab yang menghalalkan atau yang mengharamkan:
 - a. Harta yang asalnya haram kemudian timbul keraguan terhadap dalil atau hujah untuk menghalalkannya. Syubhah inilah yang mesti dijauhi dan diharamkan daripada menghalalkannya.
 - b. Harta yang asalnya halal kemudian timbul keraguan terhadap dalil atau hujah untuk mengharamkannya. Maka dihukumkannya halal mengikut hukumnya yang asal.
 - c. Harta yang asalnya haram kemudian timbul keraguan terhadap dalil atau hujah untuk menghalalkannya tetapi terdapat sesuatu sebab yang mewajibkan perkara itu menjadi halal dengan

sangkaan yang kuat (*ghalabah zhan*) namun perkara itu masih diragui kedudukannya. Dalam hal ini, dihukumkan sebagai halal tetapi menjauhinya lebih diutamakan (kewarakana).

- d. Harta yang asalnya halal kemudian timbul keraguan terhadap dalil atau hujah untuk mengharamkannya tetapi terdapat sesuatu sebab yang mewajibkan perkara itu menjadi haram dengan sangkaan yang kuat (*ghalabah zhan*). Dalam hal ini, dihukumkan sebagai haram.

2.6 STATUS/ HUKUM HARTA SYUBHAH ATAU HASIL AKTIVITI TIDAK PATUH SYARIAH

Dr. Yusuf Al-Qaradhawi menyatakan bahawa sesuatu yang haram itu tidak boleh dimiliki. Oleh itu, harta sedemikian wajib dibelanjakan kepada perkara-perkara kebajikan seperti membantu golongan fakir dan miskin, anak-anak yatim, musafir, jihad di jalan Allah S.W.T., perkembangan dakwah Islam, pembinaan masjid dan pusat-pusat Islam, penyediaan para pendakwah, penerbitan kitab-kitab agama dan seumpamanya daripada perkara-perkara yang bersifat kebajikan. Dengan erti kata lain, harta yang haram tidak boleh dimiliki oleh sesiapa secara khusus sebaliknya ia menjadi milik kepada *maslahah ammah*.

Imam Al-Ghazali menggariskan dua kaedah untuk melupuskan harta haram iaitu:

- i. Memulangkan kepada tuan punya harta tersebut jika diketahui, atau kepada wakilnya atau warisnya; dan
- ii. Mbelanjakan untuk maslahat umum jika tuan punya harta tersebut tidak diketahui. Jika tidak boleh dilakukan, ia hendaklah disedekahkan kepada fakir dan miskin.

Harta haram ini dilarang dari digunakan dalam bentuk-bentuk berikut:

- i. Digunakan untuk kepentingan diri sendiri atau keluarganya;
- ii. Ditinggalkan dalam akaun bank konvensional (dalam kes faedah riba) kerana para *fuqaha'* berpandangan bahawa tindakan ini jika dilakukan akan membolehkan institusi perbankan konvensional yang berasaskan riba menjadi semakin kuat; dan
- iii. Dimusnahkan seperti membakar atau mencampakkan ke dalam laut sepetimana yang difatwakan oleh beberapa orang ulama. Perbuatan ini dilarang oleh *fuqaha'* semasa seperti Dr. Yusuf Al-Qaradhwai yang menjelaskan bahawa ia menyalahi kaedah syarak yang melarang tindakan *idha'ah al-mal* atau mensia-siakannya tanpa dimanfaatkan oleh sesiapa.

2.7 SUMBER-SUMBER HARTA SYUBHAH ATAU HASIL AKTIVITI TIDAK PATUH SYARIAH

2.7.1 Perbankan Dan Kewangan

Sumber-sumber harta yang dibincangkan dalam MPHS ini adalah khas kepada hasil-hasil wang yang diperoleh daripada aktiviti kewangan yang tidak patuh syariah yang diputuskan oleh mana-mana penasihat syariah yang dilantik oleh agensi berkenaan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan perjalanan operasi serta pengurusan perbankan dan kewangan institusi-institusi tersebut agar tidak tersasar daripada landasan syariah serta mematuhi ketetapan-ketetapan yang telah diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) BNM dan/ atau MPS SC.

Dalam pelaksanaan sistem kewangan Islam, pihak institusi-institusi kewangan ada kalanya sama ada secara langsung atau tidak langsung, secara sengaja atau tidak sengaja turut terjebak atau terlibat dengan wang tidak patuh syariah.

Di samping itu, penghasilan wang tidak patuh syariah ini juga boleh berlaku kepada individu, syarikat swasta, agensi Kerajaan atau badan berkanun. Antara sebab-sebab utama yang menyebabkan keadaan ini berlaku adalah kerana kurang pengetahuan, kesilapan dan kelalaian serta faktor-faktor yang di luar kawalan sesuatu pihak itu sendiri.

Justeru, di bawah ini disenaraikan di mana dan bagaimana wang tidak patuh syariah terhasil daripada aktiviti perbankan dan kewangan. Ianya berkisar di dalam lima (5) komponen utama sistem kewangan seperti pasaran modal, perbankan, insurans/ takaful, pasaran wang dan aktiviti kewangan yang bukan di bawah penyeliaan BNM dan SC:

i. Pasaran Modal

Pasaran modal merupakan pasaran sekuriti, di mana Kerajaan dan syarikat-syarikat boleh mendapatkan dana jangka panjang iaitu melebihi daripada tempoh setahun. Di dalam pasaran modal terdapat beberapa urusniaga yang dijalankan, antaranya ialah unit amanah, *sukuk*, ekuiti, syarikat broker-i, derivatif, pengurusan dana, produk berstruktur, dana amanah pelaburan harta tanah, modal teroka, pembrokeran saham dan broker prima.

a. Unit Amanah

Unit amanah ialah dana pelaburan kolektif yang menawarkan peluang untuk melabur dalam pelbagai portfolio sekuriti serta diuruskan oleh pengurus dana profesional.

Pendapatan tidak patuh syariah boleh terhasil dalam unit amanah dalam keadaan-keadaan berikut:

- i. Berlaku salah labur ke atas sekuriti yang tidak patuh syariah;

- ii. Pertukaran status sekuriti daripada patuh syariah kepada tidak patuh syariah; dan
- iii. Dividen/ faedah yang terhasil melalui penyimpanan dalam akaun-akaun yang tidak patuh syariah di luar negara bagi tujuan jual-beli sekuriti di negara tersebut.

b. Sukuk

Sukuk pula merupakan dokumen atau sijil yang mewakili satu nilai aset seperti sekuriti yang terdiri daripada saham, nota pinjaman jangka pendek, unit amanah dan bon.

Wang tidak patuh syariah terhasil melalui *sukuk* daripada *gharamah* (penalti) yang dikenakan ke atas pihak yang menerbitkan *sukuk* dengan arahan mahkamah apabila berlaku pensabitan terhadap pendakwaan pelabur bagi kes kelewatan dalam pembayaran pulangan (dividen) daripada tempoh masa yang dipersetujui.

c. Ekuiti

Ekuiti bermaksud pelaburan dalam sekuriti. Kadangkala sekuriti juga diistilahkan sebagai saham.

Sepertimana dalam perkara 2.7.1(i)(a) di atas, wang tidak patuh syariah dalam ekuiti terhasil melalui keadaan-keadaan berikut:

- i. Berlaku salah labur ke atas sekuriti yang tidak patuh syariah;
- ii. Pertukaran status sekuriti daripada patuh syariah kepada tidak patuh syariah; dan

- iii. Dividen/ faedah yang terhasil melalui penyimpanan dalam akaun-akaun yang tidak patuh syariah terutamanya akaun-akaun simpanan di luar negara.

d. Derivatif

Derivatif adalah instrumen kewangan yang digunakan untuk menyelesaikan risiko berkaitan kerugian dari sudut ekonomi hasil daripada pertukaran nilai bagi sesuatu aset.

Kebiasaannya, pendapatan yang tidak patuh syariah terhasil apabila pertukaran status berlaku ke atas derivatif tersebut daripada patuh syariah kepada tidak patuh syariah. Ianya terhasil apabila berlaku kegagalan untuk memenuhi kriteria atau syarat pematuhan syariah bagi sesuatu instrumen derivatif tersebut.

e. Pengurusan Dana

Pengurus dana yang biasanya merupakan syarikat berlesen yang berdaftar dengan SC, bertanggungjawab dalam pengurusan profesional aktiviti pelaburan portfolioya sepertimana yang diarahkan oleh pelabur. Ia juga menawarkan pengurusan strategi pelaburan untuk mencapai sasaran pelaburan bagi kepentingan para pelabur.

Wang tidak patuh syariah terhasil dalam keadaan-keadaan berikut:

- i. Berlaku salah labur ke atas sekuriti yang tidak patuh syariah;
- ii. Pertukaran status sekuriti daripada patuh syariah kepada tidak patuh syariah; dan

- iii. Dividen/ faedah yang terhasil melalui penyimpanan dalam akaun-akaun yang tidak patuh syariah terutamanya akaun-akaun simpanan di luar negara.

f. Produk Berstruktur

Ia adalah satu pakej strategi portfolio yang menggabungkan antara pengembalian modal dan pulangan keuntungan contohnya seperti sesetengah produk yang ditawarkan oleh pengurus dana unit amanah.

Wang yang tidak patuh syariah kebiasaannya terhasil dalam keadaan-keadaan berikut:

- i. Berlaku salah labur dalam potfolio pelaburan; dan
- ii. Pertukaran status potfolio pelaburan daripada patuh syariah kepada tidak patuh syariah.

g. Dana Amanah Pelaburan Hartanah [*Real Estate Investment Trust (REIT)*]

REIT merupakan dana amanah yang diuruskan oleh syarikat yang memiliki dan menguruskan sebilangan portfolio harta tanah. Sebagai balasan untuk modal pelabur, syarikat memberikan pulangan yang mana biasanya adalah daripada hasil penyewaan ke atas harta tanah-harta tanah tersebut. Pelabur yang membeli saham-saham REIT tersebut akan memperoleh dividen hasil keuntungan daripada aktiviti penyewaan.

Wang tidak patuh syariah boleh terhasil apabila berlakunya transformasi daripada REIT konvensional kepada REIT yang patuh

syariah atau pun disebut sebagai *Islamic REIT* (REIT-i), di mana terdapat beberapa portfolio yang tidak selari dengan landasan syariah perlu dilupuskan (dijual). Wang hasil pelupusan inilah yang termasuk dalam kategori pendapatan tidak patuh syariah.

h. Modal Teroka (*Venture Capital*)

Modal teroka atau modal usaha niaga adalah sejenis modal ekuiti persendirian yang disediakan untuk syarikat yang belum matang tetapi mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dengan tujuan untuk mendapat keuntungan penjualan syarikat atau tawaran awam awal (IPO).

Pelaburan modal teroka biasanya dibuat dalam bentuk tunai sebagai pertukaran kepada pegangan ekuiti/sekuriti syarikat yang dilabur. Modal teroka selalunya dikumpul dari pelabur institusi atau pelabur individu yang berkeupayaan tinggi (*high networth individuals*) dari sudut kewangan untuk melabur, yang dikumpulkan bersama oleh firma pelaburan.

Pemodal teroka (*venture capitalist*) adalah individu atau firma pelaburan yang membuat pelaburan kategori ini dan mereka selalunya membawa bersama kepakaran mereka ketika membuat pelaburan dalam syarikat pelaburan (*investee companies*) mereka. Wang tidak patuh syariah boleh terhasil daripada penerimaan faedah perbankan konvensional atau tawaran awam awal yang bertukar status kepada tidak patuh syariah selepas disenaraikan (*Post IPO*).

i. **Pembrokeran Saham (*Stockbroking*)**

Pembrokeran saham adalah perkhidmatan dalam menguruskan aktiviti pelaburan berkaitan pembelian dan penjualan saham serta sekuriti-sekuriti lain oleh agensi profesional di bawah pemantauan pengawal selia kewangan iaitu SC. Di samping itu, agensi berkenaan juga bertanggungjawab dalam memberikan khidmat nasihat kepada pelaburnya berkaitan strategi pelaburan.

Wang tidak patuh syariah terhasil apabila berlaku pembiayaan pembelian sekuriti oleh broker, kemudian dikenakan *gharamah* (penalti) serta faedah.

j. **Broker Prima (*Prime Broker*)**

Broker prima merupakan broker yang bertindak sebagai agen penyelesaian, menyediakan penjagaan aset, menyediakan kewangan bagi leveraj serta menyiapkan penyata akaun harian untuk para pelanggan yang terdiri daripada pengurus wang dan lain-lain pelabur profesional.

Wang tidak patuh syariah berlaku apabila pegangan ekuiti/sekuriti bertukar status kepada tidak patuh syariah. Ia juga terhasil daripada faedah yang dikenakan.

ii. **Perbankan**

Perbankan pula adalah transaksi kewangan melibatkan institusi perbankan dalam industri kewangan. Pendapatan yang terhasil kebiasaannya boleh dilihat dari dua sudut. Pertamanya ialah pendepositan seperti akaun simpanan, akaun semasa dan akaun simpanan tetap.

Keduanya pula ialah pembiayaan seperti pembiayaan harta, termasuklah *placement* (seperti *Comodity Murabahah House*), produk berstruktur serta pelaburan am dan khas.

Walaupun wang tidak patuh syariah agak sukar terhasil dalam sudut pendepositlan melainkan wang yang bukan berlandaskan syariah, namun kadangkala ianya boleh terhasil daripada *gharamah* atau penalti dalam pembiayaan, sering juga dikenakan oleh pihak institusi kewangan kepada pelanggan yang mungkir.

iii. **Insurans Dan Takaful**

Insurans merupakan satu sistem yang berlandaskan perjanjian antara sekumpulan manusia yang sama-sama bersetuju mengikuti sistem ini. Mereka menanggung segala bentuk bencana yang menimpa salah seorang dan berkongsi menyumbangkan wang bagi mengatasi bencana ataupun musibah dan membayar pampasan kerana ditimpa sesuatu bencana.

Manakala takaful pula merupakan satu bentuk insurans Islam yang berdasarkan prinsip *ta'awun* atau bantuan bersama. Ia memberikan perlindungan harta bersama serta menawarkan perkongsian risiko bersama sekiranya salah seorang ahlinya mengalami kerugian. Takaful adalah sama dengan insurans bersama iaitu ahli-ahlinya adalah penanggung insurans dan juga pihak yang diinsuranskan.

Di Malaysia terdapat dua jenis perlindungan takaful seperti berikut:

- a. Takaful keluarga yang merupakan satu skim yang berupa simpanan dan pelaburan oleh peserta-peserta skim tersebut; dan

- b. Takaful am pula ialah merupakan satu skim mengadakan perlindungan ke atas barang-barang tertentu seperti harta benda dan sebagainya.

Untuk menjana pendapatan, pihak Takaful akan melaburkan dana yang dikumpulkan daripada ahli-ahlinya. Kadang kala wang tidak patuh syariah terjadi apabila pelaburan yang dibuat itu tersasar daripada landasan yang digariskan syariah.

iv. Pasaran Wang

Merupakan pasaran yang menyediakan dana kecairan jangka pendek bagi sistem kewangan glokal.

Kesemua transaksi adalah melibatkan sistem yang telah dijana dengan elemen-elemen pematuhan syariah.

Bagaimanapun, wang tidak patuh syariah masih boleh terhasil apabila berlaku kegagalan dalam sistem yang menyebabkan satu atau lebih elemen-elemen tidak patuh syariah tersebut tidak dapat diwujudkan ketika berlaku dalam sesuatu transaksi.

v. Aktiviti Kewangan Bukan Di Bawah Penyeliaan BNM Dan SC

Antara aktiviti-aktiviti kewangan bukan di bawah penyeliaan BNM dan SC termasuklah koperasi, pajak gadai (*ar-rah*n), peminjaman wang agensi-agensi seperti Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPIEM) dan Lembaga Tabung Haji (LTH).

Badan-badan ini juga tidak terlepas daripada menjana wang tidak patuh syariah sekiranya terdapat aktiviti-aktiviti pendeposit dan pelaburan mereka yang tidak menepati prinsip-prinsip syariah.

Bagaimanapun, mereka tertakluk di bawah bidang kuasa agensi masing-masing.

2.7.2 Lain-Lain

i. Wang Faedah (Riba)

Wang faedah iaitu riba yang diperoleh daripada hasil simpanan dalam akaun simpanan, akaun semasa dan juga akaun simpanan tetap di bank-bank konvensional yang beroperasi berlandaskan riba tidak boleh dibiarkan sahaja di bank-bank tersebut. Tindakan tersebut dari satu sudut akan memperkuatkan lagi (membantu) bank-bank konvensional. Oleh itu, semua wang faedah tersebut hendaklah diambil oleh pendeposit, namun tidak boleh dikira sebagai pendapatan dan mestilah disalurkan ke baitulmal.


ii. Wang Rasuah, Judi, Hasil Perniagaan Haram Dan Sebagainya

Wang yang terhasil daripada aktiviti yang bercanggah dengan syariat Islam seperti rasuah, judi, hasil perniagaan haram dan sebagainya bolehlah dilupuskan dengan menyalurkannya ke baitulmal untuk digunakan bagi tujuan pembangunan ummah dan maslahah ‘ammah.

2.8 KESIMPULAN

Sesungguhnya Al-Quran dan hadis merupakan panduan bagi umat Islam dalam melihat perkara-perkara yang jelas syubhah atau tidak mematuhi syariah. Ia turut diperjelaskan menerusi ciri-ciri utama harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah menerusi contoh-contoh konservatif mahupun kontemporari bagi memudahkan kefahaman serta praktikal di dalam dunia sebenar.

BAB 3



PROSEDUR PENYALURAN DAN PENGURUSAN HARTA HASIL AKTIVITI TIDAK PATUH SYARIAH DI BAITULMAL

Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Barangsiapa mendapatkan harta dari dosa, lalu ia dengannya bersilaturahim (menyambung persaudaraan) atau bersedekah, atau membelanjakan (infaq) di jalan Allah, maka Allah menghimpun seluruhnya itu, kemudian Dia melemparkannya ke dalam neraka. Lalu Rasulullah S.A.W. bersabda, “Sebaik-baiknya agamamu adalah al-wara’ (berhati-hati).”.

(Riwayat Abu Daud)

3.1 PENGENALAN

Bab ketiga ini menerangkan tentang peruntukan perundangan berkaitan peranan MAIN yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan serta peranan institusi baitulmal itu sendiri yang digariskan dalam Enakmen/ Ordinan negeri masing-masing. Di samping itu, turut dilampirkan contoh borang penyerahan harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah sebagai rujukan pihak MAIN dan masyarakat umum. Bab ini turut memaparkan carta aliran bagi aktiviti prosedur penyerahan dan penyaluran harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah secara keseluruhan bagi memudahkan pihak MAIN khususnya. Seterusnya, turut dimuatkan kaedah perakaunan yang mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia, berserta penambahbaikan bagi mematuhi kehendak syarak.

3.2 PERUNTUKAN PERUNDANGAN

Perkara 74, Perlembagaan Persekutuan meletakkan di negeri-negeri urusan agama termasuk institusi baitulmal di negara ini di bawah kuasa MAIN dan MAIWP bagi

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Oleh itu, kuasa eksekutif berkaitan hal ehwal Islam adalah menjadi tanggungjawab MAIN, seperti mana yang terkandung dalam *Jadual Kesembilan [Perkara 74, 77] Senarai Perundangan; Senarai II-Senarai Negeri:*

"Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; zakat, fitrah dan baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh Undang-Undang Persekutuan, mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin syarak dan adat Melayu."

Secara umumnya, setiap MAIN mempunyai peruntukan tentang peranan baitulmal dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing. Sebagai contoh, di Sarawak, **Ordinan 41 Tahun 2001, Ordinan Majlis Islam Sarawak,**

dalam **Bahagian V**-Penubuhan Lembaga Baitulmal dan wakaf, baitulmal, wakaf dan nazr; penubuhan dsb., baitulmal dan caruman-caruman kepadanya dalam **Seksyen 45**, Penubuhan Baitulmal:

“(1) Maka hendaklah ditubuhkan, bagi maksud Ordinan ini, suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai baitulmal.

(2) Baitulmal hendaklah terdiri daripada:

(a) segala harta pusaka atau harta si mati beragama Islam yang, mengikut Undang-Undang Islam atau di bawah Ordinan ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru kepada baitulmal;

(b) segala fi, wang, zakat dan fitrah yang dipungut dari semasa ke semasa oleh Lembaga masing-masing mengikut Bahagian ini dan Bahagian VII;

(c) segala caruman yang dibuat atau kena dibayar oleh mana-mana orang kepada baitulmal;

(d) apa-apa pemberian, alang, derma, caruman atau apa-apa jumlah wang lain yang diterima dari mana-mana sumber;

(e) apa-apa jumlah wang yang dipinjam oleh Majlis di bawah Seksyen 7;

(f) segala wang dan harta baitulmal;

(g) segala harta dan aset daripada wakaf khas dan naz ram;

(h) apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak hak pada Majlis;

- (i) segala wang yang didapati atau berbangkit daripada mana-mana harta, pelaburan, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak hak pada Majlis;
 - (j) segala wang yang didapati dari pengendalian apa-apa projek, skim atau *enterprise* yang dibiayai dari baitulmal; dan
 - (k) apa-apa jumlah wang atau harta lain yang mungkin dengan apa jua cara kena dibayar kepada atau terletak hak pada Majlis berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi, kuasa dan kewajipannya.
- (3) Segala wang dan harta dalam baitulmal hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan segala wang dan harta itu mengikut Ordinan ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya”.

Di samping itu, Enakmen Pentadbiran Agama Islam MAIWP telah memperuntukkan dalam **Seksyen 60, Penubuhan Baitulmal, Perkara (1)** di mana:

“Suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan. Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut hukum syarak atau di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Kumpulan Wang.”

dan **Perkara (2)** yang mana:

“Semua wang dan harta dalam Kumpulan Wang hendaklah terletakhak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini”.

Peruntukan tentang peranan baitulmal dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam di kebanyakan negeri lain seperti Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor tidak jauh berbeza dengan Wilayah Persekutuan.

Enakmen 1, Tahun 2003, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dalam Seksyen 81, penubuhan baitulmal, menetapkan:

Perkara (1):

“Suatu kumpulan wang bernama Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan.”

Perkara (2):

“Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut hukum syarak atau di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang kepada baitulmal”.

Perkara (3):

“Semua wang dan harta dalam baitulmal hendaklah terletakhak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini”.

Terdapat juga negeri-negeri lain yang mempunyai peruntukan Enakmen/ Ordinan yang berbeza seperti di negeri Sabah.

Menurut **Seksyen 20 (2), Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998, Sabah** “Baitulmal hendaklah terdiri daripada wang tunai dan harta sama ada yang boleh dipindah milik atau tidak mengikut hukum syarak seperti berikut: antara lainnya menyatakan:

- a. semua denda yang dikenakan oleh mahkamah syariah kepada orang-orang yang didapati bersalah atas kesalahan-

- kesalahan yang diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 atau undang-undang lain yang berkuat kuasa hendaklah dimasukkan ke dalam baitulmal;
- b. semua wang yang diperolehi atau timbul dari apa-apa harta dan pelaburan yang diperolehi atau diletakkan oleh baitulmal;
 - c. harta atau wang yang diperolehi oleh orang Islam dengan cara haram, sama ada melalui judi atau sebagainya yang mana selepas ia bertaubat, tidak dapat dikembalikan kepada empunya wang atau harta itu, bolehlah diserahkan kepada baitulmal; dan
 - d. sumber-sumber lain yang dipersetujui dan diluluskan oleh Majlis Fatwa Negeri.


Justeru, baitulmal merupakan institusi pemegang amanah yang berhak menerima dan mengendalikan penyaluran harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah demi kemaslahatan sosio-ekonomi umat Islam khasnya serta bagi tujuan pembangunan infrastruktur masyarakat di Malaysia umumnya.

3.3 PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

Harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah boleh diterima daripada individu atau syarikat. Pihak yang ingin menyalurkan harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah ke baitulmal boleh mengirim harta/ wang tersebut berserta surat atau mengisi Borang Penyerahan Harta Syubhah atau Hasil Aktiviti Tidak Patuh Syariah, yang boleh didapati di kaunter MAIN atau laman web MAIN, seperti di **Lampiran 2**. Maklumat lengkap perlu diisi untuk tujuan penyediaan resit terimaan.

Pembayaran boleh dibuat di kaunter-kaunter MAIN atau melalui kiriman pos atau pindahan akaun di bank-bank.

3.4 CARTA ALIRAN PROSEDUR PENYERAHAN DAN PENYALURAN HARTA SYUBAHAT AKAUN



3.5 KAEDEH PERAKAUNAN UNTUK PENYERAHAN DAN PENYALURAN HARTA SYUBHAH ATAU HASIL AKTIVITI TIDAK PATUH SYARIAH

Kaedah perakaunan harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah menerima pakai kaedah-kaedah perakaunan sedia ada yang mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dengan penambahbaikan bagi mematuhi kehendak syarak. Tatacara perakaunan di bawah adalah bertujuan untuk memberi penerangan dan sebagai satu panduan umum kepada MAIN mengenai klasifikasi dan peruntukan perakaunan dalam penerimaan dan penyaluran harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah. Tatacara perakaunan ini perlu direkodkan di setiap peringkat transaksi yang dijalankan dan rekod-rekod perakaunan ini akan dibuat di peringkat-peringkat berikut:

- i. Penerimaan harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah; dan
- ii. Penyaluran harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah.

Apabila pihak MAIN menerima penyerahan harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah, MAIN perlu mengemas kini rekod dan tatacara perakaunan seperti berikut:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Tunai / Akaun Bank	XXX	
Akaun Wang Tidak Patuh Syariah		XXX

Setelah mengenal pasti pihak-pihak atau projek yang akan mendapat sumbangan daripada MAIN, tatacara perakaunan pembayaran berikut akan dihasilkan:

Perkara	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Sumbangan	XXX	
Akaun Tunai / Akaun Bank		XXX

3.6 AGIHAN HARTA SYUBHAH ATAU HASIL AKTIVITI TIDAK PATUH SYARIAH

Fuqaha' secara umumnya menetapkan bahawa hasil wang haram atau syubhah ini sekiranya tidak dapat dipulangkan kepada tuan punya asalnya, hendaklah dibelanjakan untuk maslahat umum atau disedekahkan kepada golongan fakir dan miskin. Institusi baitulmal dalam konteks maslahat umum boleh berfungsi sebagai pemegang amanah kepada harta tidak patuh syariah untuk dibelanjakan demi kepentingan masyarakat secara umum. Ini bertepatan dengan keputusan dua Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam seperti berikut:

- i. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-87 yang berlangsung pada 23-25 Jun 2009 telah menetapkan bahawa "**Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa di dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:**

 - a. Diserahkan kepada baitulmal untuk maslahah-maslahah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya;
 - b. Diserahkan kepada golongan fakir miskin; atau
 - c. Jika harta tersebut merupakan harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada baitulmal.

- ii. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke-3 yang berlangsung pada 21 Januari 1971 pula telah menetapkan bahawa “**Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan seseorang Muslim dalam mana-mana bank harus diterima olehnya atas alasan kerana kecemasan itu juga, tetapi wang faedah itu hendaklah dimasukkan dalam baitulmal atau untuk kegunaan muslihat umum**”.

Dana ini boleh diagihkan dalam bentuk sumbangan kepada orang perseorangan, badan-badan bukan Kerajaan, badan kebajikan, persatuan ataupun projek-projek yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat umum seperti projek pembinaan dan penyelenggaraan bangunan, kemudahan asas, pembinaan jambatan, pembinaan dan penyelenggaraan jalan. Dana baitulmal sememangnya boleh dinikmati oleh semua golongan termasuk orang bukan Islam. Ini adalah kerana agihan dalam bentuk *maslahah ammah* terutama dalam bentuk infrastruktur boleh dimanfaatkan oleh semua pihak secara umum sama ada orang Islam atau bukan Islam.

Dari segi agihan sedekah pula, jumhur ulama' sememangnya melarang agihan sedekah yang wajib iaitu zakat kepada golongan bukan Islam kerana secara prinsipnya zakat itu diambil daripada orang Islam yang kaya dan diagihkan kepada golongan fakir dari kalangan mereka juga. Sebaliknya, *fuqaha'* telah bersepakat mengharuskan pemberian kepada bukan Islam dalam bentuk sedekah yang sunat (*tatawwu'*) pada perkara yang tidak bercanggah dengan kepentingan Islam. Sehubungan itu, hasil-hasil baitulmal selain daripada yang telah ditetapkan penerimanya seperti zakat dan seumpamanya bolehlah disedekahkan kepada golongan fakir dan miskin yang memerlukan bantuan dari kalangan orang Islam dan juga bukan Islam.

Ini jelas menunjukkan bahawa agama Islam adalah agama yang adil dan agama untuk semua. Agama Islam di sebalik menjaga kepentingan umatnya, tidak mengabaikan kebajikan penganut agama lain yang bernaung di bawah pemerintahan Islam untuk menikmati hasil-hasil daripada dana umat Islam seperti dana baitulmal, sedekah, kemudahan awam dan sebagainya.

3.7 KESIMPULAN

Peruntukan perundangan berkaitan peranan MAIN dan institusi baitulmal yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Negeri-negeri merupakan punca kuasa dan sumber rujukan utama dalam pelaksanaan sebarang program/ aktiviti berkaitan. Dalam konteks MPHS, peruntukan perundungan tersebut menjadi panduan atau asas pertimbangan bagi pengurusan dan pentadbiran penyaluran harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah ke institusi baitulmal di seluruh negeri. Di samping itu, proses bagi prosedur penyaluran dan pentadbiran harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah perlu diterangkan secara menyeluruh agar sistem yang seragam dan sistematik dapat dilaksanakan di seluruh negeri. Ia bertujuan bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat umum serta memudahkan perkongsian ilmu dan pengalaman di antara para pegawai MAIN.

BAB 4



PENUTUP

Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Menyekutukan Allah, sihir, membunuh jiwa yang telah diharamkan oleh Allah (membunuhnya) melainkan dengan (jalan) yang hal(yang dibenarkan oleh syaria’), makan riba, makan harta anak yatim, melaikan diri ketika perang dan menuduh (berzina) wanita-wanita yang muhsinan (wanita yang menjauhkan perkara dosa) yang beriman lagi tidak terfintas memikirkan sebarang kejahanatan.”

(Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

4.1 PENGENALAN

Penerbitan MPHS ini diharap akan dapat memberikan kesedaran dan kefahaman sama ada di kalangan MAIN ataupun masyarakat umum bahawa potensi dan kemungkinan wujudnya harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah adalah pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Justeru, setiap individu dan organisasi adalah berhak bertindak berdasarkan panduan yang telah diperjelaskan dalam MPHS ini bermula daripada pendefinisan, sumber-sumber serta cara mentadbir urus penerimaan dan pengagihan harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah. Justeru, adalah tidak mustahil sekiranya pada masa hadapan, umat Islam lebih peka dan sedar betapa harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah memberikan kesan yang mendalam dalam pembentukan roh dan fizikal seseorang manusia serta pada masa yang sama berpotensi memperkasa institusi baitulmal demi kemaslahatan ummah.

4.2 IMPAK

Menerusi MPHS ini, beberapa implikasi positif adalah diharapkan seperti berikut:

4.2.1 Peningkatan Dan Penambahbaikan Ilmu Pengetahuan Umat Islam Tentang Sumber-Sumber Harta Syubhah Atau Hasil Aktiviti Tidak Patuh Syariah

Menerusi penerbitan MPHS ini, MAIN khususnya serta umat Islam amnya berkesempatan untuk menambah ilmu pengetahuan melalui pembacaan dan penelitian berdasarkan bab pendefinisan yang menerangkan dalil-dalil daripada Al-Quran dan hadis yang seharusnya menjadi rujukan utama setiap umat Islam. Justeru, menerusi penerangan yang dibuat dengan menggunakan contoh senarai kontemporari dan terkini, diharapkan akan mengelakkan kekeliruan di kalangan umat Islam di Malaysia. Seterusnya, sumber-sumber yang menyebabkan terhasilnya harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah dari sudut perbankan akan kewangan pula membawa para pembaca ke satu dimensi baru di mana berlaku di luar kemampuan kita sebagai manusia yang sering terlupa dan alpa.

4.2.2 Pemantapan Institusi Baitulmal Di Peringkat Glokal

Penerbitan MPHS ini bertujuan menyediakan garis panduan serta prosedur yang jelas dan menyeragamkan bentuk pengurusan bagi melupuskan harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah semua MAIN. Justeru, menerusi bab ketiga iaitu prosedur penyaluran dan pengurusan harta syubhah atau hasil aktiviti tidak patuh syariah di baitulmal merupakan antara jalan penyelesaian terbaik di mana pada akhirnya masyarakat umum akan menerima manfaatnya ke atas sistem penyaluran dan sistem pengagihan harta tidak patuh syariah yang sistematik. Sekiranya diaplifikasikan secara *istiqamah*, institusi baitulmal negara akan dipandang tinggi oleh dunia luar kerana kesepaduan sistem dapat diguna pakai sepenuhnya demi memperkasa kemaslahatan sosio-ekonomi ummah.

4.3 KESIMPULAN

MPHS merupakan salah satu daripada siri Manual Pengurusan JAWHAR yang berperanan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada MAIN dan masyarakat umum dalam usaha Jabatan ini mencapai Teras Strategik 1 di dalam Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) iaitu Pengukuhan Institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji selaras dengan syariah demi peningkatan taraf sosio-ekonomi ummah. Justeru, penerbitan MPHS ini adalah selaras dengan objektif utama teras strategik tersebut iaitu mewujudkan sistem tadbir urus terbaik yang seragam sebagai garis panduan dan rujukan MAIN. Maklum balas positif dan sokongan padu para MAIN dan masyarakat umum dalam keberkesanan MPHS ini sebagai salah satu daripada sistem penyampaian perkhidmatan awam adalah diharapkan agar usaha penambahanbaikan dan pemantapan siri Manual Pengurusan JAWHAR ini dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Buku ini adalah salah satu daripada siri penerbitan Manual Pengurusan JAWHAR. Tajuk-tajuk yang telah diterbitkan dalam siri penerbitan ini adalah seperti berikut:

- 1) Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf
- 2) Manual Pengurusan Pengiraan Zakat
- 3) Manual Pengurusan Badal Haji
- 4) Manual Pengurusan Tebus Pusaka
- 5) Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf
- 6) Manual Pengurusan Agihan Zakat
- 7) Manual Pengurusan Perkhidmatan Umrah
- 8) Manual Pengurusan Harta Luqatah
- 9) Manual Pengurusan Tanah Wakaf
- 10) Manual Pengurusan Wakaf Tunai
- 11) Manual Pengurusan Model Perundangan Zakat
- 12) Manual Pengurusan Dam Haji

Sebarang pertanyaan mengenai langganan dan permintaan untuk kebenaran mencetak semula manual-manual ini hendaklah dihantar kepada:

Ketua Editor
Manual Pengurusan JAWHAR
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

E-mel : jawhar_penyelidikan@jawhar.gov.my
Tel : 603-8883 7400
Faks : 603-8883 7406



ISBN 978-983-44785-4-4

9 789834 478544

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)

JABATAN PERDANA MENTERI

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel: 603-8883 7400, Faks: 603-8883 7406